



اُنْهَوِ رَسِيَّتِي بِاِتِّكِنُو لَوِي كِي مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN MyRA (Pindaan 2023)

**Unit Perolehan Geran (UPG)**  
**Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**  
**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)**  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 3, Bangunan Wawasan  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8257/8259  
Faks : (+603) 5544 8280



اُنْهَوِ رَسِيَّتِي بِاِتِّكِنُو لَوِي كِي مَبَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Pejabat  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>M/S</b>
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
<b>Geran Penyelidikan MyRA</b>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	7
9.0 Lampiran A	8
10.0 Lampiran B	9

## **FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

### **FALSAFAH**

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

### **VISI**

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

### **MISI**

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

# GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## GERAN PENYELIDIKAN MyRA

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan MyRA (GPM) diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi *Globally Renowned University* (GRU) 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan Malaysia MADANI.
- 1.2 Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa.
- 1.3 Geran ini terbahagi kepada Geran Penyelidikan MyRA (GPM) dan Geran Penyelidikan MyRA Lulusan PhD. (Rujuk **Lampiran A** untuk kriteria tambahan bagi permohonan Geran Penyelidikan GPM Lulusan PhD).

### 2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

NO	BIDANG	PERUNTUKAN/TEMPOH
1	Sains & Teknologi	Tidak melebihi RM20,000.00 bagi tempoh dua (2) tahun.
2	Sains Sosial	Tidak melebihi RM10,000.00 bagi tempoh dua (2) tahun.

### 3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik adalah staf akademik tetap / kontrak di UiTM (Rujuk Lampiran A bagi GPM lulusan PhD).
- 3.2 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 3.3 Ketua Penyelidik mestilah bukan ketua kepada mana-mana geran penyelidikan yang aktif. Keutamaan akan diberikan kepada Ketua Penyelidik yang mempunyai rekod permohonan geran luar (selain geran universiti) sebagai ketua penyelidik dalam tempoh tiga (3) tahun ke belakang. Bukti permohonan geran luar perlu dilampirkan didalam sistem PRIME.
- 3.4 Staf akademik yang cuti belajar atau cuti sabbatical melebihi 6 bulan tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.5 Ketua Penyelidik yang cuti belajar selepas projek ditawarkan perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.

- 3.6 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mestilah menyumbang minimum RM 20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan. Pihak RMC berhak untuk menamatkan geran GPM yang telah ditawarkan sekiranya ketua penyelidik didapati tidak menyumbang pemotongan TAPIU sepanjang geran aktif.
- 3.7 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.8 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik sekurang-kurangnya dua (2) orang sehingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik.
- 3.9 Keanggotaan ketua dan ahli penyelidik daripada kalangan Entiti Kecemerlangan UiTM yang melibatkan bidang S&T dan SS adalah digalakkan.
- 3.10 Setiap Ketua Penyelidik layak memohon semula Geran Penyelidikan MyRA apabila geran tersebut telah tamat tempoh dan mencapai semua KPI yang ditetapkan. Kegagalan mencapai KPI yang ditetapkan dan tidak menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Penyelidik tidak layak memohon geran dalaman universiti bagi tempoh satu (1) tahun.
- 3.11 Ketua Penyelidik hendaklah mengenalpasti dan memilih kementerian yang berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan sebagai pelaksana hasil kajian penyelidikan (*end user*) (termasuk agensi seperti yang di lampiran B). Kementerian serta agensi yang telah dikenalpasti perlulah dinyatakan di bahagian *Executive Summary* kertas cadangan.

#### 4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dibenarkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik Pascasiswazah (GRA) tidak melebihi RM1,800.00 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM2,000.00 sebulan bagi pelajar kedoktoran.
- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan GRA perlu dibuat melalui atas talian sistem *Portal for Research and Innovation Management* (PRIME) <https://prime.uitm.edu.my>.
- 4.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak) adalah tidak dibenarkan. Pembelian

adalah untuk kegunaan geran penyelidikan ini sahaja.

- 4.6** Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik pascasiswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.
- 4.7** Hanya Ketua Penyelidik atau ahli geran penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
  - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- 4.8** Peruntukan Geran ini tertakluk kepada pemotongan 5% peruntukan perkhidmatan penyelidikan.

## **5.0 PERATURAN PERMOHONAN**

Permohonan geran penyelidikan ini perlu dilakukan melalui sistem atas talian *Portal for Research and Innovation Management (PRIME)* <https://prime.uitm.edu.my>.

## **6.0 PENILAIAN GERAN**

- 6.1** Permohonan Geran Penyelidikan MyRA akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPi.
- 6.2** Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPi kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.3** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani surat terima tawaran yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

## **7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN**

- 7.1** Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 7.2** Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (PRIME).
- 7.3** Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4** Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang telah dipersetujui semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.

- 7.5 Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6 Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas talian melalui sistem PRIME sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan.
- 7.7 Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian (PRIME) dengan keperluan justifikasi yang kukuh dan hanya boleh dilakukan di dalam tempoh **6 bulan** pertama projek berlangsung.
- 7.8 Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.9 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 7.10 Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan kerahsiaan Data serta *Malaysian Code of Responsible Conduct in Research* 2017.

## 8.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Penyelidik mesti menerbitkan dua (2) jurnal berindeks iaitu 1 Scopus / WoS dan 1 Scopus / WoS / MyCite dengan menyatakan afiliasi Universiti Teknologi MARA.
- 8.2 Penghargaan kepada GPM/ GPM Lulusan PhD dan Universiti Teknologi MARA mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- 8.3 Penerima geran digalakkan untuk memohon geran-geran di peringkat Nasional / Swasta/ Antarabangsa.

## Lampiran A

### Kriteria Tambahan Bagi GPM Lulusan PhD.

Perkara	GPM Lulusan PhD
Ketua penyelidik	<ul style="list-style-type: none"><li>• Geran ini dikhaskan kepada penyelidik yang telah menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran tidak melebihi <b>tiga (3) tahun</b> dan <b>TIDAK PERNAH</b> menjadi ketua penyelidik mana-mana geran penyelidikan sepanjang perkhidmatan.</li><li>• Penyelidik perlu melantik Mentor sebagai penyelidik bersama dari kalangan penyelidik DM54 ke atas dan dari bidang yang sama.</li></ul>
KPI	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sama seperti Geran Penyelidikan MyRA.</li></ul>
Platform Permohonan	<a href="https://prime.uitm.edu.my">https://prime.uitm.edu.my</a>



## Lampiran B

### SENARAI KEMENTERIAN DAN AGENSI

No	AGENSI	
1.	Jabatan Perdana Menteri (Prime Minister's Department)	JPM
2.	Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs)	KDN
3.	Kementerian Kewangan (Ministry of Finance)	MOF
4.	Kementerian Pertahanan (Ministry of Defence)	MINDEF
5.	Kementerian Pendidikan (Ministry of Education)	KPM
6.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	KKDW
7.	(Ministry of Rural and Regional Development)	KPT
8.	Kementerian Pendidikan Tinggi (Ministry of Higher Education)	KPKT
9.	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	MOT
10.	(Ministry of Local Government Development)	MAFS
11.	Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport)	KSM
12.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security)	KPWKM
13.	Kementerian Sumber Manusia (Ministry of Human Resources)	KKM
14.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Ministry of Women, Family and Community Development)	KBS
15.	Kementerian Kesihatan Malaysia (Ministry of Health)	KUSKOP
16.	Kementerian Belia dan Sukan (Ministry of Youth and Sports)	KASA
17.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development)	KPDN
18.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change)	KLN
19.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (Ministry of Domestic Trade and Cost of Living)	MPIC
20.	Kementerian Luar Negeri Malaysia (Ministry of Foreign Affairs Malaysia)	MOSTI
21.	Kementerian Perladangan Dan Komoditi (Ministry of Plantation and Commodities)	MITI
22.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation of Malaysia)	MOTAC
23.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry)	KKR
24.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Ministry of Tourism, Arts and Culture)	KPN
25.	Kementerian Kerja Raya (Ministry of Works)	KKMM